

NOTIS PENTING

Terma dan Syarat yang dikemas kini ini (Versi 1.1) akan berkuatkuasa serta merta dan akan diguna pakai mengatasi semua Terma dan Syarat sebelum ini.

TERMA DAN SYARAT

Penganjur & Kelayakan

1. Peraduan "**MyDebit Je dengan kad ATM anda dan MENANG!**" ["Peraduan"] ini dianjurkan bersama oleh 99SPEEDMART Sdn Bhd (519537-X) dan Payments Network Malaysia Sdn Bhd 200801053403 (836743-D) ["PayNet"] (dirujuk secara kolektif sebagai "**Pihak Penganjur**").
2. Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan penduduk tetap yang memegang Kad Mesin Automatik ["ATM"] MyDebit yang dikeluarkan oleh institusi kewangan di Malaysia dan mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah layak untuk mengambil bahagian dalam Peraduan ini ["**Peserta**"].
3. Peserta juga mestilah berumur 18 tahun dan ke atas dan mempunyai akaun yang sah dengan mana-mana institusi kewangan di Malaysia, tidak dormant dan dalam kedudukan kewangan yang baik, semasa Tempoh Peraduan sehingga penebusan Hadiah.
4. Individu-individu yang tersenarai di bawah adalah tidak layak menyertai Peraduan ini:
 - Kakitangan Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu, anak syarikat atau yang berkaitan dengannya] serta ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri]; dan/atau
 - Wakil, kakitangan, pekerja dan/atau ejen pembekal khidmat pengiklanan dan/atau ejen promosi bagi Pihak Penganjur [termasuk syarikat bersekutu dan berkaitannya], dan ahli keluarga mereka yang terdekat [anak-anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk suami/isteri].

Tempoh Peraduan & Kriteria Penyertaan

5. Peraduan ini akan berlangsung dari **1 Mac 2020 sehingga 12 July 2020 jam 11:59PM** (Waktu Malaysia) ("**Tempoh Peraduan**").
6. Sebarang penyertaan yang diterima selepas Tempoh Peraduan akan ditolak dan tidak sah.
7. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan Mingguan adalah tidak sah dan akan dibatalkan. Sebagai contoh: slip transaksi bertariikh 1 Mac 2020 (Minggu 1 di dalam Peraduan Mingguan) mestilah di hantar pada atau sebelum 15 Mac 2020. Slip transaksi tersebut tidak akan layak untuk penyertaan Tempoh Peraduan Mingguan yang seterusnya ["**Tempoh Peraduan Mingguan**"].

8. **Jadual Peraduan Hadiah Mingguan (14 Minggu) [“Tempoh Peraduan Mingguan”]:**
- i. **Minggu 1: 1 Mac – 15 Mac 2020; (7 pemenang)**
 - ii. **Minggu 2: 16 Mac – 29 Mac 2020; (7 pemenang)**
 - iii. **Minggu 3: 30 Mac – 12 April 2020; (7 pemenang)**
 - iv. **Minggu 4: 13 April – 26 April 2020; (7 pemenang)**
 - v. **Minggu 5: 27 April – 10 Mei 2020; (7 pemenang)**
 - vi. **Minggu 6: 11 Mei – 17 Mei 2020; (7 pemenang)**
 - vii. **Minggu 7: 18 Mei – 24 Mei 2020; (7 pemenang)**
 - viii. **Minggu 8: 25 Mei – 31 Mei 2020; (7 pemenang)**
 - ix. **Minggu 9: 1 Jun – 7 Jun 2020; (7 pemenang)**
 - x. **Minggu 10: 8 Jun – 14 Jun 2020; (7 pemenang)**
 - xi. **Minggu 11: 15 Jun – 21 Jun 2020; (7 pemenang)**
 - xii. **Minggu 12: 22 Jun – 28 Jun 2020; (7 pemenang)**
 - xiii. **Minggu 13: 29 Jun – 5 Julai 2020; (8pemenang)**
 - xiv. **Minggu 14: 6 Julai – 12 Julai 2020. (8 pemenang)**
9. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah, melanjutkan atau menamatkan Tempoh Peraduan mengikut budi bicara mutlaknyanya tanpa perlu memberi sebarang notis terlebih dahulu.
10. Pembelian minimum bernilai RM15 dan ke atas di semua pasar raya 99SPEEDMART dengan menggunakan kad ATM MyDebit (secara tanpa sentuh/'contactless') sebagai kaedah pembayaran, dalam Tempoh Peraduan Mingguan yang ditetapkan (dengan resit MyDebit yang dicetak dengan jelas) akan layak untuk menyertai dan diambil kira sebagai penyertaan yang sah di dalam Peraduan ini [**“Bukti Pembelian”**].
11. Semua pembayaran mestilah menggunakan kad ATM MyDebit (secara tanpa sentuh/'contactless') untuk dikira sebagai penyertaan yang layak dan menyerahkan Bukti Pembelian mengikut mana-mana kaedah penyertaan seperti dinyatakan di Klausula 12 dan dibuat dalam Tempoh Peraduan Mingguan seperti dinyatakan di atas.

Cara Penyertaan

12. Setiap penyertaan perlu disertakan dengan satu Bukti Pembelian yang dibuat dalam Tempoh Peraduan Mingguan di mana-mana kaunter pasar raya 99SPEEDMART melalui mana-mana satu dari cara berikut:

12.1 Cara penyertaan Satu (1): Melalui aplikasi WhatsApp

- Setiap penyertaan yang lengkap dan dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - ii. Hantar gambar Bukti Pembelian bersama-sama penyertaan anda melalui telefon pintar menggunakan aplikasi WhatsApp ke nombor **011 3772 1809**;
 - iii. Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan Peraduan, notis privasi) melalui aplikasi WhatsApp dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja);
 - iv. Peserta perlu membalas mesej dengan bersetuju kepada notis privasi serta memberi jawapan yang betul kepada **011 3772 1809**;
 - v. Setiap pembelian bernilai RM15 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak. (Perhatian: setiap pembelian dengan gandaan RM15 = 1 nombor siri rawak, RM30 = 2 nombor siri rawak, RM45 = 3 nombor siri rawak dan seterusnya) (Nota: nombor siri adalah untuk rujukan/paparan pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).

12.2 Cara penyertaan Dua (2): Melalui MMS

- Setiap penyertaan yang lengkap dan dikemukakan hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:
 - i. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;
 - ii. Hantar gambar Bukti Pembelian bersama-sama penyertaan anda melalui telefon pintar/bimbit menggunakan MMS ke nombor **011 3772 1809**;
 - iii. Peserta akan mendapat balasan mesej (soalan Peraduan, notis privasi) melalui dalam tempoh 48 jam (pada hari bekerja);
 - iv. Peserta perlu membalas mesej dengan bersetuju kepada notis privasi serta memberi jawapan yang betul kepada **011 3772 1809**;
 - v. Setiap pembelian bernilai RM15 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan **SATU (1)** nombor siri secara rawak. (Perhatian: setiap pembelian dengan gandaan RM15 = 1 nombor siri rawak, RM30 = 2 nombor siri rawak, RM45 = 3 nombor siri rawak dan seterusnya) (Nota: nombor siri adalah untuk rujukan/paparan pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta);
 - vi. Apa-apa kos/caj terlibat dalam penyertaan melalui MMS adalah ditanggung sepenuhnya oleh Peserta.

12.3 Cara penyertaan Tiga (3): Melalui aplikasi Whoop! app (di muat turun melalui Play Store untuk Android/App Store untuk iOS)

- i. Daftar di Whoop! app (pendaftaran untuk kali pertama sahaja);
- ii. Klik pada imej Peraduan **“MyDebit Je dengan kad ATM anda dan MENANG!”**;
- iii. Ambil gambar Bukti Pembelian dan simpan Bukti Pembelian tersebut;

- iv. Jawab soalan Peraduan dengan betul dan lengkapkan maklumat yang diperlukan;
 - v. Peserta akan mendapat balasan penerimaan mesej Peraduan dengan serta merta;
 - vi. Dengan menghantar penyertaan melalui Whoop! app, Peserta adalah dianggap telah membaca dan bersetuju pada notis privasi yang dinyatakan di dalam Terma dan Syarat di sini.
 - vii. Perhatian: Setiap pembelian bernilai RM15 dan ke atas yang sah (di dalam satu slip transaksi) akan diberikan SATU (1) nombor siri secara rawak. (Perhatian: setiap pembelian dengan gandaan RM15 = 1 nombor siri rawak, RM30 = 2 nombor siri rawak, RM45 = 3 nombor siri rawak dan seterusnya) (Nota: nombor siri adalah untuk rujukan/paparan pihak Penganjur sahaja dan ianya tidak akan didedahkan kepada Peserta).
13. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan.
14. Setiap SATU (1) Bukti Pembelian hanya boleh digunakan sekali sahaja.
15. Penyertaan Peraduan akan dibatalkan jika Bukti Pembelian yang sama digunakan lebih dari SATU (1) kali.

Pemilihan Pemenang

16. Pemenang akan dipilih berdasarkan perkara berikut.
- a) Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Mingguan: Pada akhir Tempoh Peraduan Hadiah Mingguan, Peserta yang layak akan disenarai pendek secara rawak mengikut Tempoh Peraduan Mingguan (sebagai contoh hanya penyertaan Minggu 1 layak dicabut dan memenangi pada Minggu 1 tersebut) oleh sistem pemilihan automatik berdasarkan jumlah penyertaan yang diperolehi dalam minggu tersebut sepanjang Tempoh Peraduan ("**Peserta Terpilih**").
 - b) Pemilihan Pemenang Peraduan Hadiah Utama: sila rujuk Klausula 27-30.
17. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, hanya penyertaan yang dihantar mengikut Tempoh Peraduan Mingguan berkaitan layak memenangi mana-mana satu Hadiah untuk tempoh tersebut. Sebagai contoh, sekiranya Bukti Pembelian bertarikh 1 Mac 2020, ia hanya layak dihantar untuk tempoh Minggu 1 sahaja dan hanya layak untuk pemilihan Hadiah bagi tempoh tersebut. Penyertaan tersebut tidak layak untuk tempoh-tempoh lain. Seterusnya pemilihan pemenang untuk Tempoh Peraduan Mingguan yang berikutnya adalah dibuat dengan penyertaan untuk minggu berkaitan sahaja.
18. Peserta boleh menghantar lebih dari SATU (1) penyertaan tetapi setiap penyertaan perlu dilengkapi seperti Klausula 12.

19. Setiap Peserta hanya layak memenangi SATU (1) Hadiah Mingguan dan/atau Hadiah Utama sepanjang Tempoh Peraduan, tanpa mengira bilangan penyertaan yang diterima oleh Penganjur.
20. Sekiranya Peserta terpilih tidak dapat dihubungi, atau gagal menjawab kesemua soalan dengan tepat atau tidak menyertakan penyertaan yang lengkap, Penganjur berhak membuat cabutan rawak seterusnya dan mengisytiharkan Peserta Terpilih yang berjaya menjawab kesemua soalan dengan tepat dan mempunyai penyertaan lengkap sebagai pemenang.
21. Semua keputusan yang dibuat oleh Penganjur berhubung Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, senarai pendek, pemilihan pemenang, Hadiah dan pelucutan hak Hadiah adalah muktamad. Sebarang surat-menyurat atau rayuan tidak akan dilayan. Pemilihan pemenang adalah tertakluk kepada syarat-syarat kelayakan dan kriteria penyertaan yang ditentukan mengikut budi bicara mutlak Penganjur.

Hadiah & Penebusan

22. **Hadiah untuk Peraduan ini ialah:**

Jenis	Hadiah	Bilangan Pemenang
Hadiah Utama	Satu (1) buah kereta Toyota Corolla 1.8G (tidak termasuk fi pendaftaran, insuran dan apa-apa cukai berkaitan)	1
Hadiah Mingguan	Satu (1) buah motosikal Yamaha Lagenda 115Z (tidak termasuk fi pendaftaran, insuran dan apa-apa cukai berkaitan)	100

23. Untuk pemenang Hadiah Mingguan: Sekiranya Peserta Terpilih tidak dapat dihubungi selepas **TIGA kali percubaan setiap hari selama tiga hari berturut-turut** ((pada hari dan waktu bekerja, Isnin – Jumaat) selepas setiap Tamat Tempoh Peraduan Mingguan, Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menghubungi Peserta Terpilih dari cabutan rawak yang seterusnya dan mengisytiharkan Peserta Terpilih tersebut sebagai pemenang mengikut proses yang dinyatakan di atas.
24. Sejumlah satu ratus satu (101) Hadiah untuk dimenangi.
25. Segala gambar Hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, promosi publisiti dan bahan lain yang berkaitan dengan Peraduan ini adalah semata-mata untuk tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan Hadiah sebenar yang diterima.

26. Peserta dikehendaki mengemukakan bukti pengenalan diri (kad pengenalan Malaysia atau pasport) semasa atau sebelum penebusan Hadiah untuk tujuan pengesahan penyertaan Peserta/pemenang. Bukti Pembelian yang tidak boleh dibaca/telah pudar/rosak adalah tidak sah, tidak layak dan akan dibatalkan untuk Peraduan ini.
27. Pemilihan Hadiah Utama: Pemenang Hadiah Mingguan (jumlah 100 pemenang) akan layak secara automatik ke acara akhir Peraduan (untuk pemilihan pemenang Hadiah Utama Peraduan) (**"Finalis"**).
28. Finalis perlu menghadiri cabaran acara akhir yang akan berlangsung di kawasan Lembah Klang untuk penentuan Hadiah Utama Peraduan iaitu SATU (1) buah kereta Toyota Corolla 1.8G. Mekanik & terma dan syarat bagi pemilihan pemenang Hadiah Utama dan/atau acara akhir hanya dikongsi dan didedahkan kepada Finalis pada hari acara akhir tersebut.
29. Segala perbelanjaan untuk menghadiri acara akhir ini adalah ditanggung oleh Finalis sendiri.
30. Hanya SATU (1) pemenang akan memenangi Hadiah Utama tersebut.
31. Hadiah adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh syarikat automobil atau pembekal Hadiah pihak ketiga (jika berkaitan). Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, Pihak Penganjur dan ejennya tidak bertanggungjawab terhadap semua liabiliti, kerugian and kerosakan yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan kepada butir-butir Hadiah atau apa-apa keadaan yang tidak diduga di luar kawalan yang munasabah oleh Pihak Penganjur dan untuk apa-apa perbuatan atau keingkaran oleh mana-mana vendor atau pembekal pihak ketiga.
32. Pihak Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku kepada Hadiah semasa proses penebusan.
33. Apa-apa kos tambahan lain (sebagai contoh perbelanjaan perjalanan) yang terlibat untuk menebus atau mengambil Hadiah akan ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
34. Hadiah yang dimenangi mestilah didaftarkan atas nama pemenang dan tidak boleh dipindah milik. Untuk Hadiah Mingguan (Yamaha Legend), Hadiah Mingguan tersebut mestilah dituntut di cawangan Yamaha yang berdekatan (butir-butir akan diberikan kepada pemenang).
35. Pihak Penganjur berhak untuk menangguhkan tarikh dan menukar tempat bagi menuntut Hadiah yang telah ditentukan sebelum penebusan Hadiah pada tarikh yang lain sekiranya berlaku apa-apa keadaan yang di luar jangkaan.

36. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab dan/atau bertanggung terhadap segala kos pengangkutan yang berkaitan dengan penebusan dan/atau penyerahan Hadiah. Apa-apa kos tambahan, duti, cukai dan/atau perbelanjaan sampingan atau caj yang dikenakan berkaitan dengan Hadiah adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang.
37. Penyerahan Hadiah kepada pemenang yang dipilih bergantung kepada ketersediaan Hadiah yang akan dimaklumkan kepada pemenang yang dipilih oleh Pihak Penganjur dari semasa ke semasa.
38. Semua keputusan yang dibuat oleh Pihak Penganjur berhubung dengan Peraduan termasuk tetapi tidak terhad kepada senarai pemenang dan Hadiah adalah muktamad, dan mengikat. Sebarang surat-menyurat, pertanyaan, rayuan atau bantahan dari Peserta tidak akan dilayan.
39. Pihak Penganjur akan menghubungi Peserta Terpilih melalui maklumat yang dibekalkan semasa proses penghantaran penyertaan.
40. Semua pemenang mesti menuntut Hadiah mereka mengikut tempoh yang ditetapkan oleh Pihak Penganjur selepas dihubungi oleh Pihak Penganjur (melalui SMS atau lain-lain bentuk komunikasi). Sekiranya pemenang gagal untuk menuntut Hadiah mereka atau menamakan seorang wakil dalam masa yang diperuntukkan, Pihak Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah atau memberikan Hadiah tersebut kepada pemenang lain. Pemenang perlulah mengemukakan bukti identiti untuk menebus/menerima Hadiah mereka. Semua Hadiah untuk Peraduan ini akan diberikan selepas tamat Tempoh Peraduan.
41. Sekiranya pemenang memerlukan seorang wakil untuk menuntut Hadiah bagi pihak mereka, wakil pemenang hendaklah membawa surat wakil kebenaran yang ditandatangani oleh pemenang bersertakan salinan dokumen pengenalan diri pemenang dan wakilnya.
42. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai.
43. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menukar Hadiah yang diiklankan dengan Hadiah yang sama nilai tanpa pemberitahuan terlebih dahulu atas budi bicara tunggal dan mutlakny. Pihak Penganjur, agensi, sekutunya, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap Hadiah yang rosak atau penyalahgunaan mana-mana Hadiah, atau tuntutan, liabiliti, kerugian atau kerosakan yang timbul daripada atau berkaitan dengan Peraduan ini.

Hak Pihak Penganjur

44. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju memberikan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk menggunakan, menyiarkan atau memaparkan nama-nama dan gambar-gambar pemenang (jika ada) bagi tujuan pengiklanan, pemasaran, publisiti dan apa jua tujuan lain di dalam apa jua saluran penerbitan, pengedaran atau paparan, tanpa sebarang notis terlebih dahulu atau bayaran royalti atau pampasan kepada pemenang. Pemenang tidak mempunyai hak untuk membuat tuntutan hak milik atau lain-lain pampasan terhadap material tersebut.
45. Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan Hadiah dengan Hadiah lain yang sama nilainya tanpa sebarang notis terlebih dahulu.
46. Jika atas apa-apa sebab Peraduan ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan Pihak Penganjur,, Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan, menamatkan, mengubah suai, atau menggantung Peraduan ini.
47. Pihak Penganjur berhak, mengikut budi bicara mutlakanya, untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta dan/atau penyertaan yang didapati atau disyaki menipu/menggodam/menyalahgunakan/memanipulasikan proses penghantaran Peraduan, operasi Peraduan atau melanggar mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini.
48. Pihak Penganjur berhak untuk mengubah mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini pada bila-bila masa atas budi bicara mutlakanya tanpa memberikan notis terlebih dahulu. Jika Peserta tidak bersetuju pada sebarang perubahan pada mana-mana Terma dan Syarat Peraduan, Peserta adalah dianggap telahpun menarik diri daripada menyertai Peraduan ini.
49. Sebagai tambahan kepada Terma dan Syarat ini, arahan dan kaedah Peraduan seperti yang dijelaskan di laman sesawang <https://www.99speedmart.com.my> atau sebaliknya, juga akan mengikat semua Peserta dan penyertaan mereka dalam Peraduan ini.
50. Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan promosi untuk peraduan ini, Terma dan Syarat yang terkandung di <https://www.99speedmart.com.my> akan diguna pakai dan diutamakan. Jika terdapat percanggahan antara Terma dan Syarat versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Melayu, Terma dan Syarat dalam versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai.

51. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta memberi kebenaran kepada pihak Penganjur atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh Pihak Penganjur untuk memproses data peribadi Peserta yang diberikan untuk tujuan Peraduan.
52. Pihak Penganjur, sekutunya, ejen-ejen dilantik atau wakilnya tidak akan bertanggungjawab di atas sebarang kos/caj/yuran/perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta berkaitan dengan Peraduan ini. Melainkan dinyatakan sebaliknya, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang ditanggung oleh Peserta yang berkaitan dengan Peraduan ini (sama ada untuk tujuan menyertai, menghantar penyertaan atau penerimaan Hadiah) adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang/Peserta.
53. Pihak Penganjur, sekutunya dan/atau pihak ketiga yang dilantik tidak bertanggungjawab atas penyertaan yang hilang, rosak, lewat disebabkan atas sebarang kesilapan teknikal.

Liabiliti dan Tanggungjawab

54. Peserta dan pemenang akan menanggung sepenuhnya dan bertanggungjawab sekiranya berlaku liabiliti, kejadian tidak diingini, kecederaan, kerosakan, tuntutan atau kemalangan (termasuk kematian) yang disebabkan penyertaan mereka di dalam Peraduan ini dan/atau penebusan dan/atau penggunaan Hadiah dan bersetuju untuk melepaskan Pihak Penganjur dan agensinya daripada sebarang tuntutan sama ada bagi sebarang kecederaan, kemalangan, kehilangan jiwa mahupun kehilangan ekonomi dan lain-lain.
55. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, tidak di dalam apa-apa keadaan Pihak Penganjur atau pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejen (termasuk, mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang berurusan dengan Pihak Penganjur untuk tujuan Peraduan ini) bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik atau ganti rugi tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif atau khas mana-mana pihak termasuk pihak ketiga) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuiaan atau sebaliknya, berkaitan dengan Peraduan ini, walaupun Pihak Penganjur telah dinasihatkan tentang kemungkinan kerosakan tersebut terlebih dahulu, dan semua ganti rugi yang tersebut adalah dikecualikan.
56. Dengan menyertai Peraduan ini, Peserta bersetuju untuk mematuhi dan bersetuju dengan terma & syarat-syarat rasmi dan semua keputusan Pihak Penganjur.

Perlindungan Data

57. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta bersetuju dan memberi kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk mengumpul, menyimpan, menggunakan, memproses nama mereka, nombor kad pengenalan (KP) yang telah ditutupkan dan butir-butir lain ("Data Peribadi") untuk tujuan menjalankan Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengumuman dan penerbitan Data Peribadi dan/atau foto Peserta di laman sesawang Penganjur untuk tujuan pengiklanan dan publisiti.
58. Peserta juga memberi kebenaran kepada bank masing-masing untuk berkongsi dan mendedahkan Data Peribadi mereka kepada Pihak Penganjur bagi menjalankan segala perkara berkaitan dengan Peraduan ini.
59. Dengan mengambil bahagian dalam Peraduan ini, Peserta juga memberikan persetujuan dan kebenaran kepada Pihak Penganjur untuk berkongsi atau mengumpul Data Peribadi mereka termasuk dengan pihak ketiga (jika diperlukan) tidak terhad kepada agen Pihak Penganjur atau mana-mana bank peserta MyDebit di Malaysia. Semua pihak ketiga tersebut dikehendaki secara kontrak, tidak menggunakan Data Peribadi Peserta selain dari cara yang dinyatakan di sini.
60. Di bawah undang-undang Malaysia, hak Peserta termasuk:
 - a. Hak untuk menarik balik kebenaran untuk penggunaan Data Peribadi pada bila-bila masa dengan menghubungi Pihak Penganjur di alamat kontak yang dinyatakan di bawah dengan menyatakan kepada Penganjur nama dan alamat e-mel Peserta untuk penghapusan Data Peribadi tersebut;
 - b. Hak untuk mendapatkan salinan Data Peribadi yang dimiliki oleh Pihak Penganjur; dan
 - c. Hak untuk membetulkan Data Peribadi yang tidak tepat.
61. Sebarang isu perlindungan data atau aktiviti berkenaan hak undang-undang bagi Peserta, sila rujuk laman sesawang Pihak Penganjur di <https://www.99speedmart.com.my> atau menghubungi talian pelanggan Pihak Penganjur di +603 7802 8928.
62. Penganjur akan mengambil langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk menyimpan Data Peribadi Peserta dengan selamat, dan memerlukan pemprosesan data dari pihak ketiga untuk melakukan perkara yang sama. Bagaimanapun, Pihak Penganjur boleh mendedahkan Data Peribadi Peserta jika dikehendaki oleh undang-undang, waran geledah, sepina atau perintah mahkamah.

63. Apa-apa perkara berkaitan Data Peribadi yang berhubung kait dengan Peraduan ini akan ditadbir dan diuruskan mengikut Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan apa-apa undang-undang yang berkaitan di Malaysia.

[TAMAT]